



STATISTIK KECENDERUNGAN PERNIAGAAN

+4.7%

ST4 2024

+4.8%

ST3 2024

+3.2%

ST1 2025

ST2 2025

+2.0%


+0.1%

ST3 2025

SENTIMEN PERNIAGAAN MEREDA PADA SUKU KETIGA TAHUN 2025, SEPERTI YANG DICERMINKAN
OLEH PETUNJUK KEYAKINAN POSITIF +0.1 PERATUS


PETUNJUK KEYAKINAN MALAYSIA

ST3 2024 ST4 2024 ST1 2025 ST2 2025 ST3 2025



IMBANGAN BERSIH MALAYSIA

ST3 2024 ST4 2024 ST1 2025 ST2 2025 ST3 2025




Nota :

*Pertanian, Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik & Air


** Penginapan, Pengangkutan & Penyimpanan, Komunikasi, Kewangan, Insurans, Hartanah, Teknologi Maklumat & Komunikasi, Makanan & Minuman, Pentadbiran dan Sokongan, Profesional, Kesihatan, Pendidikan dan Perkhidmatan Lain

PETUNJUK KEYAKINAN MENGIKUT NEGERI ST3 2025



Sumber: Statistik Kecenderungan Perniagaan Suku Ketiga 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

PETUNJUK KEYAKINAN SUKU TAHUNAN, MALAYSIA 2022-2025



Sentimen perniagaan mereda pada suku ketiga tahun 2025, seperti yang dicerminkan oleh petunjuk keyakinan positif +0.1 peratus

- Peniaga menjangkakan penyederhanaan dalam persekitaran perniagaan pada suku ketiga 2025, disokong oleh petunjuk keyakinan positif +0.1 peratus, yang mencerminkan optimisme berterusan daripada +2.0 peratus pada suku sebelumnya.
- Perkhidmatan mengekalkan sentimen positif pada suku ketiga 2025 dengan mencatatkan petunjuk keyakinan +1.5 peratus berbanding +6.9 peratus pada suku sebelumnya, menunjukkan keyakinan yang stabil meskipun menyederhana. Sektor Pembinaan merekodkan petunjuk keyakinan -2.0 peratus pada suku ketiga 2025 berbanding +4.6 peratus pada suku sebelumnya, menggambarkan peralihan kepada jangkaan yang lebih berhati-hati. Sementara itu, sektor Perindustrian terus optimis dengan peningkatan dalam Petunjuk keyakinan kepada +2.2 peratus berbanding +1.9 peratus pada suku kedua 2025. Bagi sektor Perdagangan Borong dan Runcit, petunjuk keyakinan mencatatkan -7.3 peratus pada suku ketiga 2025, sedikit lebih rendah berbanding -6.7 peratus pada suku kedua 2025, yang mencerminkan kewaspadaan berterusan dalam sektor tersebut. Walau bagaimanapun, sub-sektor Perdagangan Runcit kembali mencatatkan trajektori positif dengan petunjuk keyakinan +1.9 peratus berbanding -8.4 peratus pada suku sebelumnya.
- Pada suku ketiga 2025, petunjuk keyakinan perniagaan peringkat negeri menyerlahkan daya tahan yang menggalakkan, dengan beberapa negeri menunjukkan peningkatan ketara walaupun yang lain menyesuaikan diri dengan cabaran jangka pendek. Sentimen optimis dilihat di Johor (+0.5%), Negeri Sembilan (+6.5%), Perlis (+6.6%), Selangor (+5.0%), Terengganu (+17.1%), Sabah (+8.2%), Sarawak (+2.4%), W.P. Kuala Lumpur (+1.6%) dan W.P. Putrajaya (+3.1%). Sementara itu, Kedah (-1.6%), Kelantan (-3.9%), Melaka (-8.4%), Pahang (-1.2%), Pulau Pinang (-14.3%), Perak (-11.1%) dan Labuan (-4.6%) mencatatkan bacaan negatif, dengan penguncupan paling ketara dilihat di Pulau Pinang, Perak dan Melaka, menandakan cabaran yang semakin meningkat dalam iklim perniagaan mereka.
- Bagi tempoh Julai hingga Disember 2025, prospek perniagaan keseluruhan kekal positif dengan mencatatkan imbalan bersih +9.9 peratus berbanding +10.9 peratus pada separuh tahun sebelumnya (Paparan IV). Sektor Perkhidmatan menunjukkan daya ketahanan yang stabil dengan peningkatan marginal kepada imbalan bersih +19.5 peratus berbanding +18.3 peratus. Prospek sektor Pembinaan turut bertambah baik dengan imbalan bersih +14.5 peratus berbanding +13.1 peratus. Seiring dengan itu, sektor Perindustrian menjangkakan persekitaran perniagaan yang menggalakkan dengan imbalan bersih +11.1 peratus berbanding +12.0 peratus pada tempoh sebelumnya. Sementara itu, sektor Perdagangan Borong dan Runcit merekodkan imbalan bersih -10.5 peratus berbanding -4.8 peratus pada tempoh sebelumnya.

